

Chapter 1 : Kain tenun Melayu

Sabar mengerjakan sesuatu lama-lama berhasil juga Peribahasa lain yang sama makna Sedikit-sedikit tekun, lama-lama menjadi bukit.

Sehari selembaar benang, lama-lama jadi sehelai kain Disimpan di dalam direktori kat bahagian: Sekadar Luahan Mase aku duduk rumah beberapa bulan lepas, aku selalu gak dengar cerita daripada mak aku time aku kecik - kecik dulu. Mak aku kate, mase aku dalam perut dia, aku ni jenis yang senyap je. Takde tendang - menendang. Takde tarik - menarik. Sampaikan punyelah mak aku risau, dia picit - picit perut dia nak kejutkan aku istilah YM: Dan mase aku lahir pulak, senang je keluar.. Kecuali the fact that, yang aku lahir mase awal bulan Ramadhan. Sebulan gak mak aku kene ganti puasa. Ape yang mak aku cakap, sume aku buat benda yang disebaliknye. Ape yang mak aku bagi, semua aku tak nak.. Mak aku selalu pesan, pergi sekolah, jangan nakal - nakal. Belum sempat aku naik bas ke sekolah, TASS, terputus jari aku sebab panjat sana, panjat sini. Tu baru tahun ke-7 kehidupan aku tu.. Kalau budak lain, dari hyperactive jadi makin ok, aku pulak, dari senyap terus jadi hyperactive. Dan ketika aku remaja, aku makin lama makin teruk. Makin liar takde la liar sangat dari segi sosial ok. Aku nak cerita pon aku rasa segan.. Mak pesan macam - macam. Tapi standard la kite, budak - budak baru nak up. Masuk telinga kiri, keluar hidung kanan. Masuk telinga kanan, keluar hidung kiri. Mane taknye bersimpul kat tengah - tengah, kat otak aku nih.. Mak aku pesan, jangan selalu keluar malam - malam. Sekarang malam - malam aku dok rumah je. Sekali sekale je aku lepak malam - malam. Mak aku pesan, ikut kata boss aku, jangan main - main lagi. Dan banyak lagi lah. Kalau aku listkan satu - satu, ade gak korang kate aku baik sangat. Walaupun benda ni baik, tapi aku tetap nak fikir gak kenapa berlakunya perubahan ini.. Is it the fact that yang aku dah mule bosan buat benda yang bukan - bukan? Aku rasa, kalau dulu time aku bosan la aku buat balik benda yang bukan - bukan. The cycle of life la orang kata. Ketiadaan duit dan teman tak menjadi penghalang perilaku spastik aku. Kan aku suke buat perangai walaupun aku sensorang.. Dari kecik sampai la sekarang mak selalu pesan kat aku macam - macam. For some kids, diorang terus dengar kata. Ada yang ambil masa beberapa tahun. Dan bagi aku pula, 25 tahun. Mungkin sebab selalu dengar pesan - pesan tu, membuatkan aku secara subconsciously berubah.. Kepada rakan - rakan wanita aku yang dah ada anak atau bakal ada atau planning ada, rajin - rajin la pesan - pesan kat anak tu, walau nakal camne skali pon die.. Sehari selembaar benang, lama - lama jadi sehelai kain. Sabar mengerjakan sesuatu lama-lama berhasil juga. Peribahasa lain yang sama makna: Sedikit-sedikit tekun, lama-lama menjadi bukit.

Chapter 2 : CikguMohdRamsul@blogspot: BAB 8 : PERIBAHASA

BiDALAN: Sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain. MAKSUD: Erti peribahasa sehari selembar benang, lama-lama menjadi kain menyiapkan tugas atau mengusahakan sesuatu pekerjaan, sedikit demi sedikit dengan tekun dan sabar, lambat-laun akan terlaksana jua.

Terdapat pelbagai cara pencemaran ini boleh berlaku. Tetapi ianya terbahagi kepada dua jenis iaitu: Pencemaran yang disebabkan oleh faktor manusia. Namun kadar pengeluaran yang kian meningkat inilah menyebabkan penambahan kepada pelepasan pencemaran gas organik dan bukan organik, bahan kimia dan juga habuk. Pelbagai jenis industri ini akan menghasilkan bahan cemar yang berbeza. Industri Kimia Industri kimia melepaskan pencemar yang mengandungi pelbagai kompaun yang berasaskan nitrogen dan sulfur dan ini akan mengakibatkan pencemaran kepada air dan udara. 6. Aktiviti di tapak pembinaan dan bunyi kipasekzos di kilang-kilang ini juga adalah antara contoh-contoh aktiviti yang menghasilkan paras bunyi yang tinggi. Industri Pertanian Penggunaan racun yang berleluasa boleh mengancam keselamatan alam sekitar. Insektisid racun serangga seperti DDT boleh masuk ke rantai makanan dan memusnahkan rantai makanan tersebut. Sumber makanan seperti daging dan ikan mengandungi DDT yang seterusnya akan di makan oleh manusia. Permusnahan lapisan ozon adalah disebabkan oleh atom klorin. Bahan-bahan aerosol biasanya dimampatkan ke dalam tin-tin di bawah tekanan tinggi. Kloroflorokarbon CFC digunakan sebagai mangkin dalam proses itu. Selain itu, CFC digunakan dalam peti sejuk, penghawa dingin dan lain-lain sebagai bahan rejan propellant, pembentukan buih, dan alat pemadam api. Didapati satu molekul CFC mampu memusnahkan molekul ozon. Oleh itu, sumber alternatif harus digunakan untuk menggantikan kloroflorokarbon misalnya dengan hidrokloroflorokarbon HCFC. Isi rumah menyumbang kepada pencemaran melalui penggunaan tenaga untuk mesin dan perkakas elektrik seperti peti sejuk. Peti sejuk dan penyaman udara bukan sahaja menggunakan banyak tenaga tetapi alat-alat ini juga mencemarkan udara apabila cecair penyejuk yang digunakan melepaskan klorofluorokarbon CFC ke udara seterusnya menipiskan lapisan ozon. Peralatan rumah seperti penyembur aerosol yang mengandungi CFC juga adalah punca pencemaran udara. Punca-punca Pencemaran Tanah Pembuangan bahan-bahan buangan daripada kilang seperti minyak, sisa toksik dan sisa-sisa kilang. Pembuangan sampah merata-rata Penggunaan racun serangga secara berlebihan Mengancam Kesihatan Manusia Akibat daripada pencemaran alam sekitar, kesihatan manusia turut terjejas. Di negara kita misalnya penggunaan kereta masa kini telah bertambah dengan begitu pesat berbanding tahun an dan an dahulu. Malangnya kecanggihan teknologi pembuatan kenderaan bermotor telah menimbulkan banyak masalah misalnya pencemaran udara, pencemaran bunyi, kerosakan alam dan hidupan semulajadi. Pengeluaran gas monoksida iaitu sejenis gas beracun yang boleh membunuh sekiranya terkumpul dalam kawasan yang tertutup. Sejenis lagi unsur yang boleh terhasil melalui penggunaan kenderaan bermotor ialah plumbum iaitu sejenis bahan kimia yang sangat beracun dan boleh menyebabkan kerosakan otak terutamanya di kalangan kanak-kanak. Selain dari itu seperti yang berlaku di Teluk Minamata, Jepun, pencemaran toksid yang masuk ke dalam air menyebabkan simptom kebas-kebas, sakit kepala, kabur penglihatan dan penuturan yang tidak betul. Sesetengahnya berakhir dengan kelumpuhan dan ada yang menemui maut. Simptom yang disebabkan oleh keracunan raksa ini telah membabitkan beratus-ratus keluarga nelayan. Ia dikenali sebagai penyakit Minamata. Mengancam tumbuhan dan binatang Kesan daripada pencemaran yang berlaku bukan sahaja dialami oleh manusia bahkan turut memberi kesan kepada hidupan yang lain. Antara kesan pencemaran yang banyak membunuh organisma laut di perairan cetek ialah kesan daripada tumpahan minyak ke laut. Apabila tumpahan minyak berlaku dengan banyak berhampiran persisiran pantai ia membentuk lapisan minyak yang mengancam kehidupan laut serta burung. Tumpahan tersebut juga turut menjejaskan tumbesaran dan kesuburan plankton. Kerosakan Harta Benda Pencemaran yang disebabkan oleh faktor semulajadi seperti letusan gunung berapi, ribut taufan, gempa bumi dan sebagainya, banyak memberi kesan kepada kerosakan harta benda. Sebagai contoh kejadian letusan gunung berapi yang berlaku di Indonesia iaitu Gunung Merapi telah menyebabkan berlakunya kerosakan harta benda. Ini disebabkan oleh lahar panas yang dikeluarkan oleh gunung tersebut. Antarakerusakan harta benda yang berlaku ialah kemusnahan kediaman penduduk

dankemudahan infrastruktur di kawasan yang terlibat. Pelestarian alam adalah satu usaha melindungi alam sekitar dari kemusnahan. Definisi Sekolah Lestari adalah Anugerah Alam Sekitar Sekolah Lestari membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai murni alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari. Definisi Pendidikan Alam Sekitar ialah: Proses memperoleh atau menjadikan sebahagian atau semua bahan daripada sampah untuk di guna semula. Semua jenis kaca termasuklah botol minuman, bekas makanan, botol vitamin dan bekas kosmetik. Semua jenis kaca ini mestilah diletakkan didalam tong yang berwarna COKLAT. Semua jenis barang yang diperbuat daripada aluminium seperti tin-tin minuman boleh dikitar semula. Ia juga mestilah dimasukkan ke dalam tong yang berwarna JINGGA. Semua jenis kertas sama ada yang berwarna ataupun yang tidak berwarna, seperti surat, khabar lama, majalah lama, buku, katalog, risalah, kalendar, kad, sampul dan kotak boleh dikitar semula. Semua jenis kertas mestilah dimasukkan ke dalam tong yang berwarna BIRU. Beg-beg membeli belah plastik, beg plastik dari supermarket, botol minuman plastik, botol air mineral dan bekas makanan yang diperbuat daripada plastik boleh diproses untuk dikitar semula. Kertas surat, khabar, kertas-kertas dari pejabat, kertas-kertas dari pencetak, majalah dan risalah adalah bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Kumpulkan item-item tadi di mana sahaja anda berada dan cuba asingkan kertas-kertas tadi mengikut grad. Klik pada laman grad kertas Plastik Terlalu banyak plastik boleh dikitar semula. Semuanya dari kategori bekas-bekas minuman, botol-botol sabun, bekas makanan, pembalut makanan, bekas ais krim dan banyak lagi boleh dikitar semula. Kertas kad bodi keras, barangan elektrik ataupun perabot yang dibeli biasanya dibungkus dengan kotak kad bodi yang besar dan ramai orang tidak tahu apa yang perlu dibuat terhadap kotak-kotak tersebut lalu dibuang begitu sahaja. Apa kata kalau anda mengitar semula kotak-kotak tersebut daripada membuangnya begitu sahaja. Kaca bekas-bekas jem dan bekas-bekas makanan sesetengahnya masih dipekan dalam botol. Anda boleh kitar semula botol-botol tersebut ataupun gunakannya semula untuk menyimpan makanan lain. Pakaian-pakaian lama boleh diguna semula atau didermakan kepada badan kebajikan. Cara ini dapat menjimatkan ruang dan tempat dan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukannya. Kita sudah tentulah merasa jijik dan tidak selesa jika rumah kita berada dalam keadaan berasap, kotor dan busuk. Konsep ini harus diperkembangkan dengan menganggapkan bumi ini sebagai rumah kita. Jika kita menganggapkan bumi ini sebagai rumah kita sendiri, sanggupkah kita mengotorinya? Bumi adalah satu-satunya planet yang membolehkan kita dan hidupan lainnya hidup bebas. Bukankah alasan ini sudah cukup untuk kita membelainya dengan perasaan penuh timbang rasa dan kasih sayang? Perasaan hormat harus diberikan kepada semua bentuk hidupan dan persekitaran yang menjadi jiran tetangga kita. Segala tindakan manusia mempunyai kesan yang mendalam terhadap alam sekitar. Perasaan hormat terhadap hidupan lain bermakna menghormati diri kita sendiri. Menjaga kesejahteraan alam sekitar supaya tidak tercemar bermakna menghormati keperluan kita untuk mendapatkan udara dan bekalan air yang bersih.

Chapter 3 : Sehari selembur benang, lama-lama menjadi kain

Informasi peribahasa Sehari sehelai benang, lama-lama jadi sehelai kain pada situs web ini bukanlah penjelasan resmi ataupun bagian dari kamus peribahasa bahasa indonesia resmi. Apabila ada kekurangan atau pun kesalahan pada pemaparan peribahasa Sehari sehelai benang, lama-lama jadi sehelai kain, kami mohon maaf yang sebesar-besarnya.

Peniaga yang mengambil keuntungan yang terlalu tinggi. Orang luar yang datang menetap di sesuatu tempat Ibarat negeri berubah rasam; ibarat tahun berubah musim. Orang yang tidak tetap kedudukannya. Ikan di hulu tuba di hilir. Perbuatan yang sia-sia Ikan lagi di laut, lada garam sudah di sengkalan. Sudah bersiap sedia untuk mengecap hasil yang belum lagi diperolehi Ikut hakim memiat daging: Sesuatu perintah hendaklah dilakukan dengan adil. Intan dikalungkan di leher anjing. Memberikan sesuatu barang, nasihat kepada orang yang tidak mahu atau bukan pada tempatnya. Ingat ranting yang akan melenting, dahan yang akan mencocok, duri yang akan mengait. Hendaklah selalu beringat tentang segala bahaya dan rintangan ketika melakukan sesuatu pekerjaan. Alah sabung, menang sorak. Biarpun kalah, tetapi masih tetap tinggi juga cakupannya. Satu dijantik, sepuluh rebah. Seorang yang dikata-katai sekalian yang mendengar ikut merasa. Anjing menyalak bukit, takkan runtuh. Orang baik yang dicela oleh orang jahat, tentu tidak akan binasa kebajikannya. Perkara yang satu ada sangkut-pautnya dengan perkara yang lain. Enak lauk dikunyah-kunyah, enak kata diulang-ulang. Nasihat yang baik perlu diulang-ulang menyebutnya. Mengembalikan manikam ke dalam cembulnya. Hati yang hancur kerana dukacita. Kura-kura di dalam perahu, pura-pura tidak tahu. Bertanya sesuatu yang sudah diketahui. Kerana mulut badan binasa. Mendapat kecelakaan kerana perkataannya. Kilat beliung sudah di kaki, kilat pisau sudah ke tangan, kilat cermin sudah ke muka. Orang yang bijaksana dengan mudah menangkap hujung kata atau kias seseorang. Ada seperti tampaknya apung-apung. Barang yang dihajati telah ada tetapi belum tentu dapat diambil atau dipakai. Dalam menunduk dia menyonggeng. Lahirnya dia menerima dengan baik, tetapi hatinya sendiri membantah. Jauh boleh ditunjukkan, dekat boleh dikakukkan. Kebenaran sesuatu perkataan yang diucapkan boleh diuji, kerana ada tanda dan buktinya. Air mata jatuh ke dalam. Bagai haruan di dalam tuar. Tidak tetap keadaannya, kerana sakit atau susah Dibuat kerana Allah, menjadi murka Allah. Dilakukan dengan maksud baik, tetapi diterima orang dengan curiga. Dikulum menjadi manikam, dimuntahkan menjadi sekam. Diam itu lebih baik daripada berkata-kata. Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit. Seorang yang berbuat salah, semuanya terbawa-bawa. Berlurah di balik pendakian. Ada sesuatu maksud yang tersembunyi di sebalik sesuatu perbuatan, perkataan dan sebagainya. Enggang apa kepada enggang; orang apa kepada orang. Memang mudah menyuruh berbuat begini begitu, tetapi yang sukar ialah yang mengerjakannya. Dekat dapat ditunjuk, jauh dapat ditunjuk. Perkataan atau pengakuan yang dapat dibuktikan kebenarannya Bagai belacan dikerat dua: Perkara yang mendatangkan aib kepada kedua-dua belah pihak. Buangkan yang keruh, ambil yang jernih. Buang yang jahat ambil yang baik; memulai penghidupan yang baru. Seperti raja dengan menteri. Seia-sekata dalam semua perkara. Apa sakit berbini janda, anak tiri boleh disuruh. Alasan yang berlawanan dengan maksud yang sebenarnya. Dari telaga yang jernih, tak akan mengalir air yang keruh. Daripada sifat yang mulia, tak akan lahir budi bahasa yang kasar Laksana bunga dedap, sungguh merah berbau tidak. Orang yang elok rupa paras tetapi tiada budi bahasa. Elok basa kan bakal hidup, elok budi kan bakal mati. Orang yang baik bahasanya jadi kesayangan orang selagi hidup, sesudah mati jadi kenang-kenangan. Berhampar lapik, berlicin daun. Bermuafakat mencari penyelesaian yang baik dengan setulus-tulus hati, tidak ada menyembunyikan perasaan-perasaan yang buruk Batu pun empuk, jangankan hati manusia. Perkataan yang lemak manis dapat menawan hati yang keras. Seperti anjing dengan kucing Maksud: Melepaskan anjing tersepit, sudah lepas dia menggigit. Menolong orang yang tiada tahu berterima kasih Seberapa panjang sarung, begitulah panjang matanya. Perangai perkataan yang baik atau jahat menunjukkan sedikit banyaknya ilmu seseorang. Umpama semut mempersembahkan paha belalang kepada raja. Pemberian yang tidak ada ertinya. Ada beras, taruh dalam padi Maksud: Rahsia hendaklah disimpan baik-baik. Ada bukit, ada paya Maksud: Ada baik, ada jahat; ada miskin, ada kaya. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung Maksud: Hendaklah menurut adat dan aturan tempat yang kita diami. Kemana angin deras, kesitu condongnya Maksud: Pendirian yang tidak tetap. Asal ada, kecil

pun pada Maksud: Kalau tak ada banyak, sedikit pun cukup juga. Cencang dua segeragai Maksud: Sekali jalan, dua tiga pekerjaan selesai. Dikati sama berat, diuji sama merah Maksud: Pangkat atau kedudukan yang sama. Sampai bersalam, pulang berterajang Maksud: Masuk ke negeri orang dengan nama yang baik, tetapi pulang dengan nama yang jahat. Sayangkan kain, buangkan baju; sayangkan lain, buangkan aku Maksud: Isteri yang mencari kekasih lain. Dikulum menjadi manikam, Dimuntahkan menjadi sekam Maksud: Ada angin ada pohonnya. Segala yang terjadi ada sebab-sebabnya. Luka di tangan nampak berdarah, luka di hati siapa tahu. Hanya diri orang itu sahaja yang tahu akan penderitaan atau kesedihannya. Berapa susah kita melihat kesusahan orang lain, terlebih susah juga orang yang menderita kesusahan itu. Seperti kain kasa di atas duri. Suatu perkara yang terlalu sukar menyelesaikannya; harus sabar dan hati-hati. Bibir saya bukan diretak panas. Kata-kata saya bukan sia-sia atau dusta. Buat di alang tahun, belayar di luar musim. Melakukan sesuatu salah masa.

Chapter 4 : PSS DIGITAL SMK LUNDU | SEHARI SELEMBAR BENANG LAMA-LAMA MENJADI KAIN

Peribahasa Melayu 'sehari selembur benang, lama-lama menjadi kain bermaksud kalau seseorang mempunyai cita-cita, dia akan berusaha untuk mencapainya.

SEHARI selembur benang, lama-lama jadi sehelai kain" adalah peribahasa Melayu yang menggunakan kerja menenun kain sebagai pembayang kepada maksud yang lebih mendalam iaitu usaha yang berterusan walaupun sedikit, lama-kelamaan akan berhasil. Proses menenun merupakan salah satu daripada kepandaian masyarakat Melayu tempatan di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya di kawasan Pantai Timur. Berlainan dengan songket dan limar yang terkenal di Kelantan dan Terengganu, kain tenun lebih popular di Pahang. Kain tenun mempunyai corak jalur, melintang atau petak. Kain tenun dihasilkan menggunakan sejenis alat yang dipanggil kek Siam. Kain tenun dibuat menggunakan benang kapas atau sutera yang telah diwarnakan dalam pelbagai warna menarik. Industri pembuatan kain tenun telah mengalami jatuh bangun dari zaman sebelum merdeka untuk terus kekal sebagai warisan tekstil Melayu di Semenanjung Tanah Melayu sehingga ke hari ini. Namun peranan istana Melayu di Pantai Timur dalam memastikan kelangsungan warisan tekstil ini telah menyelamatkan kepandaian tempatan ini daripada pupus selepas Perang Dunia Kedua yang telah menyebabkan kekurangan bekalan benang dan bahan-bahan menenun yang lain serta harganya yang tinggi. Salah seorang penaung industri tekstil Melayu yang telah banyak menyelamatkan industri kain tenun pada awal an ialah Tengku Ampuan Mariam Sultan Abdul Almuazzam Shah yang telah menggajikan penenun-penenun mahir di sekitar kawasan istana bagi menghasilkan kain-kain tenun untuk kegunaan istana. Usaha baginda ini sedikit sebanyak dapat membantu pendapatan suri rumah dan juga menjamin kelangsungan kemahiran yang mereka miliki. Corak tradisional kain tenun dikenali sebagai corak Muar, yang mempunyai corak petak yang besar dan menggunakan pilihan warna yang terang atau warna gelap. Satu lagi corak kain tenun yang masih dihasilkan ialah corak Bugis. Corak ini diperkenalkan ke Tanah Melayu oleh orang Bugis. Ia mempunyai pelbagai ragam corak dan petak yang dihasilkan juga adalah lebih kecil berbanding corak Muar. Benang emas juga digunakan bagi sesetengah ragam hias kain tenun. Motif alam yang diadaptasikan di atas kain tenun ialah seperti corak batang pinang, corak biji peria, corak ayam sambas dan corak seluang mudik. Terdapat juga corak yang dinamakan sempena dengan nama seseorang tokoh seperti Tun Razak dan corak Tun Muda. Di Kelantan dan Terengganu, kain tenun juga dikenali dengan nama kain punca potong yang banyak digunakan oleh golongan lelaki sebagai kain samping. Kain punca potong mempunyai warna yang terang dan corak di kedua-dua bahagian hujungnya mempunyai corak yang sama dan berlainan dengan corak utama di bahagian tengah. Pada hari ini, kain tenun yang dikenali di Malaysia ialah kain tenun Diraja Pahang. Kain tenun ini mempunyai motif tersendiri yang dikenali sebagai tenun bercolek di mana benang emas digunakan dalam tenunan kain. Satu lagi ciri istimewa tenun Diraja Pahang ialah motif sepiit udang. Kain tenun dikenali sebagai kain yang paling sederhana berbanding songket dan limar namun mempunyai warna-warna yang segar dan menarik.

Chapter 5 : Fairuz, thy name: Sehari selembur benang, lama-lama jadi sehelai kain

Sehari selembur benang, lama-lama menjadi sehelai kain memiliki 1 arti. Sehari selembur benang, lama-lama menjadi sehelai kain berasal dari kata dasar calendrierdelascience.com dari sehari selembur benang, lama-lama menjadi sehelai kain bisa masuk dalam jenis peribahasa.

Chapter 6 : Sehari Selembur Benang, Lama-Lama Menjadi Kain

Kolum ini juga bertindak sebagai garis panduan kepada pelabur dan pedagang saham yang tiada pengetahuan tentang pasaran saham Malaysia kerana tidak banyak bahan bacaan tentang pasaran saham Malaysia yang boleh diperolehi di negara ini lebih-lebih lagi dalam Bahasa Melayu.

Chapter 7 : many a mickle makes a muckle - Wiktionary

sikit2 lama2 jadi bukit. nur nabila. simpan sikit2 lama2 banyak juga. mimie Simpan banyak2 kan cepat jd bukit.. ðŸˆ€.

Chapter 8 : "SEHARI SELEMBAR BENANGLAMA-LAMA MENJADI KAIN"

Peribahasa Melayu 'sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain bermaksud kalau seseorang mempunyai cita-cita, dia akan berusaha untuk mencapainya. Berikut adalah kisah seorang pelajar yang begitu rajin berusaha untuk mencapai cita-citanya.

Chapter 9 : Senarai Peribahasa Melayu Serta Maksudnya

Besar kemungkinan bahawa peribahasa: sedikit, sedikit lama-lama jadi bukit telah lahir dalam masyarakat tani, sedang peribahasa: sehari selembat benang lama-lama menjadi sehelai kain itu pula terbit dari kalangan masyarakat industri.